

29 JUN 1998
Singapura-Malaysia
BEBERAPA ISU PENTING KEKAL

SINGAPURA, 29 Jun (Bernama) -- Beberapa isu penting dalam hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia masih belum diselesaikan, Menteri Luar S Jayakumar memberitahu Parlimen di sini hari ini.

Antara perkara itu ialah mengenai bekalan air sungguhpun Malaysia telah berjanji untuk terus membekalkan air kepada Singapura selepas dua perjanjian sedia ada akan tamat pada tahun 2011 dan 2061.

Jayakumar berkata, Singapura cuba mendapatkan Perjanjian Air yang sah dari segi undang-undang bagi menetapkan syarat dan peraturan bagi pembekalan air apabila perjanjian sedia ada itu tamat kelak.

Beliau berkata beberapa rundingan telah diadakan antara Singapura dan Malaysia tetapi "kedua-dua pihak masih belum lagi mencapai persetujuan mengenai air".

Katanya, perbincangan dengan Malaysia akan disambung apabila Malaysia bersedia.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tong mengadakan pertemuan pada Februari tahun ini di Kuala Lumpur dan isu air telah dibincangkan.

Malaysia telah bersetuju untuk terus membekalkan air ke Singapura apabila perjanjian sedia ada tamat tetapi tempoh 60 hari yang diberikan semasa kedua-dua Perdana Menteri itu berjumpa pada Februari lepas untuk menentukan syarat dan peraturan bagi perjanjian yang baru kini telah berakhir.

Singapura mendapatkan separuh daripada keperluan air hariannya dari Johor menurut dua perjanjian sedia ada.

Jayakumar juga berkata Singapura akan memindahkan kemudahan-kemudahan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) daripada stesen kereta api Tangjong Pagar ke stesen kereta api Woodlands pada 1 Ogos.

Mengenai Pulau Batu Putih (Pedra Branca), beliau berkata kedua-dua pihak bersetuju untuk merujuk tuntutan Malaysia kepada Mahkamah Kehakiman Antarabangsa.

Katanya, terdapat perkembangan yang positif kerana isu itu kini semakin hampir kepada penyelesaian.

-- BERNAMA
THG RHM